



TERMA RUJUKAN

MAJLIS KEBANGSAAN KESELAMATAN JALAN RAYA (MKKJR)

1. Pendahuluan

1.1 Terma Rujukan ini boleh digelar sebagai **Terma Rujukan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) Negara Brunei Darussalam.**

1.2 **“Majlis”** bermakna Majlis Keselamatan Jalan Raya Brunei Darussalam.

1.3 Majlis ini beralamat di Bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan atau tempat-tempat lain yang akan ditentukan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dari masa ke semasa.

2. Tujuan

Tujuan Majlis ini adalah seperti berikut:

2.1 Menyembahkan cadangan dan sokongan dasar-dasar serta strategi-strategi menangani isu-isu keselamatan jalan raya kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2.2 Memberigakan dan mendidik mengenai segala aspek hal ehwal keselamatan kepada semua pengguna jalan raya dan lapisan masyarakat melalui media massa dan saluran yang bersesuaian dengan usahasama agensi-agensi berkenaan termasuk syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan (*NGOs*) dan masyarakat akar umbi.

3. Matlamat

3.1 Mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di peringkat negara khususnya kadar kehilangan nyawa dan kecederaan yang melibatkan semua pengguna jalan raya termasuk pengguna yang berisiko tinggi (*vulnerable road users*).



3.2 Meningkatkan tahap kesedaran dan kepekaan di kalangan pemandu serta pengguna jalan raya lain dengan mengutamakan pemanduan dan pergerakan yang selamat serta berhemah.

4. Penaung Diraja

4.1 Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

5. Pengerusi

5.1 Pengerusi Majlis ini ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

5.2 Seboleh-bolehnya Pengerusi akan mempengerusikan setiap mesyuarat Majlis.

5.2.1 Semasa ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi akan dipertanggungjawabkan untuk mempengerusikan mesyuarat.

5.2.2 Jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tiada, seorang ahli tetap akan dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat.

6. Timbalan Pengerusi

6.1 Timbalan Pengerusi ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri.

7. Setiausaha

7.1 Setiausaha Majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

8. Urusetia

8.1 Diketuai oleh Pengarah Pengangkutan Darat, Jabatan Pengangkutan Darat.



8.2 Urusetia MKKJR terdiri daripada pegawai Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi di bawah urustadbir Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

9. Keahlian – (Sila rujuk - Lampiran 1: Struktur Organisasi MKKJR)

9.1 Ahli-ahli majlis adalah seperti berikut: -

- i. Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri
- ii. Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
- iii. Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan;
- iv. Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan;
- v. Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;
- vi. Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan;
- vii. Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei;
- viii. Pengarah Pengangkutan Darat;
- ix. Pengarah “*Centre for Transport Research*” (CfTR), Universiti Teknologi Brunei;
- x. Wakil Tetap, Pejabat Peguam Negara;
- xi. Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad;
- xii. Pengerusi Persatuan Peniaga Automobil Brunei (BATA);
- xiii. Pengerusi “*Brunei Insurance and Takaful Association*” (BITA);
- xiv. Yang Dipertua Persatuan Motorsikal (PEMODA);
- xv. Presiden Persekutuan Basikal Negara Brunei Darussalam (BDCF)

9.2 Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Penasihat Majlis diberi kuasa melantik dua orang awam sebagai ahli tambahan jika difikirkan perlu.

9.3 Majlis diberi kuasa menjemput Ketua-Ketua Jabatan atau wakil, pihak perseorangan atau perwakilan dari badan-badan serta pertubuhan awam ke mesyuarat apabila difikirkan perlu.



10. Mesyuarat

10.1 Mesyuarat hendaklah diadakan sekali sebulan atau pada masa yang ditetapkan oleh Pengerusi.

10.2 Mesyuarat hendaklah dihadiri oleh ahli yang dilantik atau wakil setaraf yang boleh membuat keputusan bagi pihak ahli yang dilantik.

11. Pemberitahuan Mesyuarat dan Korum

11.1 Setiausaha hendaklah memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum mesyuarat diadakan. Mesyuarat tergempar boleh diadakan dalam jangka masa kurang daripada dua (2) minggu.

11.2 Sepuluh (10) orang ahli (tidak termasuk Pengerusi dan Setiausaha) akan membentuk satu korum dalam Majlis ini.

12. Lantikan Jawatankuasa atau Kumpulan Tindakan

12.1 Majlis diberikan kuasa melantik jawatankuasa atau kumpulan tindakan secara **ad hoc** dengan kuasa untuk memilih ahli-ahli yang bersesuaian.

12.2 Kumpulan-Kumpulan Tindakan ada seperti berikut:

i. Kumpulan Tindakan Media dan Pemberigaan (KTMP)

Kumpulan ini ditubuhkan bagi melaksanakan program kesedaran dan pendidikan keselamatan jalan raya untuk semua pengguna jalan raya.

Ketua bersama kumpulan ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Pengarah Urusan Syarikat Pemasaran Minyak Shell Brunei Sdn. Bhd.



ii. Kumpulan Tindakan Teknikal dan Infrastruktur (KTTI)

Kumpulan ini ditubuhkan bagi memastikan rangkaian infrastruktur jalan raya di negara ini selamat dan mematuhi piawaian keselamatan jalan raya antarabangsa.

Ketua kumpulan ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan.

Timbalan Ketua ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

iii. Kumpulan Tindakan Penyelidikan dan Perkembangan (KTPP)

Kumpulan ini ditubuhkan bagi mengkaji seterusnya mencadangkan dan melaksanakan pelan penyelidikan serta perkembangan (R&D) kearah peningkatan keselamatan jalan raya.

Ketua kumpulan ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan;

Timbalan Ketua ialah Pengarah “Centre for Transport Research” (CfTR), Universiti Teknologi Brunei.

iv. Kumpulan Tindakan Undang-Undang dan Penguatkuasaan (KTUP)

Kumpulan ini ditubuhkan bagi tujuan pembangunan dan penguatkuasaan undang-undang serta dasar keselamatan jalan raya.

Ketua bersama kumpulan ialah Pengarah Jabatan Penyiasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pengarah Pengangkutan Darat, Jabatan Pengangkutan Darat.



13. **Perubahan Kepada Terma Rujukan**

13.1 Perubahan kepada Terma Rujukan ini hendaklah dibuat oleh Majlis dalam mana-mana mesyuarat yang diadakan.